



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***SOKONGAN BUDAYA PEMBAIKAN SEKOLAH DAN
KEBOLEHTERIMAAN GURU KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU
PERTANIAN TERHADAP AMALAN PENAKSIRAN UNTUK
PEMBELAJARAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL***

HOW SHWU PYNG

FPP 2018 33



**SOKONGAN BUDAYA PEMBAIKAN SEKOLAH DAN
KEBOLEHTERIMAAN GURU KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU
PERTANIAN TERHADAP AMALAN PENAKSIRAN UNTUK
PEMBELAJARAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL**

Oleh

HOW SHWU PYNG

**Tesis Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Disember 2017

© COPYRIGHT UPM



Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

*Untuk ayah dan ibu tersayang
How Kaw & Lim Ah Ying*

*Dengan kasih sayang dan perhatian kalian
membantuku dalam mengharungi setiap kesukaran dalam hidup ini.*

*Buat teman setia yang sentiasa memberi dorongan dalam semua situasi,
Chung Thian Hai*

*Terima kasih untuk segalanya kerana memberi dorongan dan semangat
buatku mengakhiri perjuangan ini dengan kejayaan.*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

SOKONGAN BUDAYA PEMBAIKAN SEKOLAH DAN KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU PERTANIAN TERHADAP AMALAN PENAKSIRAN UNTUK PEMBELAJARAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

Oleh

HOW SHWU PYNG

Disember 2017

Pengerusi : Prof. Madya Abdullah Mat Rashid, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran adalah penting dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) yang memberi penekanan kepada penaksiran kompetensi murid. Amalan ini juga menjadi salah satu fungsi utama bagi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang diperluaskan kepada semua mata pelajaran peringkat menengah rendah mulai kohort Tingkatan 1 pada sesi persekolahan 2012. Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Pertanian sebagai mata pelajaran berelemen PTV yang wajib kepada semua murid menengah rendah turut menuntut guru untuk mengamalkan Penaksiran untuk Pembelajaran seiring dengan aktiviti pengajaran mengikut konteks PBS.

Kesepaduan antara hasrat PTV dengan pelaksanaan PBS perlu dicapai melalui amalan Penaksiran untuk Pembelajaran yang konsisten demi meningkatkan kualiti keberhasilan murid PTV. Maka kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV dalam kalangan guru KHB Pertanian dan perbezaannya berdasarkan faktor demografi terpilih. Kajian ini juga memfokus kepada sokongan yang berupaya mendorong amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah iaitu kebolehterimaan guru KHB Pertanian serta empat sokongan lain yang meliputi kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran, dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah.

Responden kajian ini dipilih melalui prosedur persampelan kelompok dua tingkat daripada populasi yang meliputi semua guru yang sedang mengajar mata pelajaran KHB Pertanian bagi murid Tingkatan 1 hingga 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) pada sesi persekolahan tahun 2016 di seluruh Malaysia. Instrumen kajian ini adalah satu set borang soal selidik yang mengandungi empat bahagian utama. Soal selidik yang ditadbir melalui pos memperolehi kadar pulangan sebanyak 82.2% dengan melibatkan seramai 352 orang guru KHB Pertanian daripada seluruh Malaysia.

Data kajian ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif (frekuensi, peratusan dan min) dan inferensi (ujian-t, ujian ANOVA Sehalu dan ujian Faktorial ANOVA) dengan bantuan perisian IBM SPSS Statistik 21 pada aras signifikan $p = .05$. Majoriti guru KHB Pertanian didapati hanya mengamalkan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV pada tahap sederhana. Majoriti guru KHB Pertanian juga menunjukkan kebolehterimaan terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV pada tahap sederhana sementara mengalami kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV, kebolehterimaan guru KHB Pertanian dan sokongan budaya pembaikan sekolah belum mencapai tahap yang dikehendaki.

Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV seterusnya didapati berbeza dan signifikan berdasarkan salah satu faktor demografi guru KHB Pertanian terpilih iaitu peringkat kelulusan tertinggi di mana guru yang berkelulusan ijazah didapati mengamalkan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV yang lebih kerap berbanding dengan guru yang berkelulusan bukan ijazah. Dapatan kajian juga menunjukkan kesan utama yang signifikan bagi tahap amalan kolaboratif dan tahap penyeliaan pengajaran yang dialami oleh guru KHB Pertanian terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah. Kesan interaksi yang signifikan turut didapati wujud di antara kebolehterimaan guru KHB Pertanian serta kepimpinan transformasional dan penyeliaan pengajaran yang mereka alami terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah.

Dapatan keseluruhan kajian ini telah mendedahkan keperluan yang kritikal untuk menambah baik pelaksanaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV peringkat sekolah terutamanya dalam kalangan guru KHB Pertanian yang berkelulusan bukan ijazah. Ia juga membuktikan kepentingan kebolehterimaan guru KHB Pertanian serta kepimpinan transformasional, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah yang dialami sebagai sokongan pelaksanaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah. Justeru, usaha pembaikan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV peringkat sekolah wajar ditumpukan ke arah meningkatkan tahap kebolehterimaan guru KHB Pertanian sementara mengoptimumkan tahap sokongan kepimpinan transformasional, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran yang praktikal secara berterusan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**SUPPORTIVE CULTURE OF SCHOOL IMPROVEMENT AND
AGRICULTURAL INTEGRATED LIVING SKILLS TEACHERS'
RECEPTIVITY TOWARDS ASSESSMENT FOR LEARNING PRACTICES OF
TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION**

By

HOW SHWU PYNG

December 2017

Chair : Associate Professor Abdullah Mat Rashid, PhD
Faculty : Educational Studies

Assessment for Learning practices is important in the field of Technical and Vocational Education (TVE) that emphasize competency assessment of students. This practices also became one of the main functions of School-based Assessment (SBA) that extended to all lower secondary level subjects started from cohort Form 1 on schooling session of 2012. Agricultural Integrated Living Skills (ILS) as subject under element of TVE which compulsory to all lower secondary level students also claim the teacher to implement Assessment for Learning practices in line with their teaching activities according to the context of SBA.

Synergy between the aspirations of TVE with the implementation of SBA must be met through consistent Assessment for Learning practices in order to improve the quality achievement of TVE students. Hence, this study was conducted in order to identify the level of Assessment for Learning practices of TVE among Agricultural ILS teachers and the difference based on selected demographic factors. This study also focused on the supports which are capable of pushing Assessment for Learning practices of TVE in schools which are the Agricultural ILS teachers' receptivity and another four different supports which include transformational leadership, decisional involvement, collaborative practice and instructional supervision, in construct of supportive culture of school improvement.

Respondents of this study were randomly sampled using two stages cluster sampling procedure from the population of all teachers who are currently teaching Agricultural ILS subject for students from Form 1 to Form 3 of national secondary schools in 2016 throughout Malaysia. The instrument of this study is a set of questionnaire which

consisting four main parts. Questionnaires were mailed and obtained a response rate of 82.2% by engaging 352 Agricultural ILS teachers throughout Malaysia.

The data obtained was analyzed with descriptive (frequency, percentage and mean) and inferential (t-test, one-way ANOVA and factorial ANOVA) statistic using IBM SPSS Statistic 21 software program at significant level of $p = .05$. Majority of Agricultural ILS teachers just practiced Assessment for Learning of TVE at a moderate level. Meanwhile, majority of the Agricultural ILS teachers in schools also shows their receptivity towards Assessment for Learning practices of TVE at a moderate level while experiencing transformational leadership, decisional involvement, collaborative practice and instructional supervision in the context of supportive culture of school improvement at a moderate level. This finding indicates that the Assessment for Learning practices of TVE, Agricultural ILS teachers' receptivity and also supportive culture of school improvement has not reached the desired level.

Assessment for Learning practices of TVE also significantly difference based on one of the selected demographic factors among Agricultural ILS teachers which is the highest qualification level where teachers who have the approval of degree found to practise a more frequent Assessment for Learning practices of TVE compared with teachers who do not have the approval of degree. Findings of this study further indicated a significant main effect for the level of collaborative practice and the level of instructional supervision which experienced by Agricultural ILS teachers towards Assessment for Learning practices of TVE in schools. In addition, a significant interaction effect was found to exist between Agricultural ILS teachers' receptivity, transformational leadership and instructional supervision towards Assessment for Learning practices of TVE in schools.

The overall findings of this study has revealed a critical need to improve the Assessment for Learning practices of TVE in schools especially among Agricultural ILS teachers who do not have the approval of degree. It also confirms the importance of Agricultural ILS teachers' receptivity and also transformational leadership, collaborative practice and instructional supervision in the context of supportive culture of school improvement which experienced by them as supports to the implementation of Assessment for Learning practices of TVE in schools. Therefore, improvement effort of Assessment for Learning practices of TVE in schools was reasonably devoted towards enhancing the level of Agricultural ILS teachers' receptivity while optimizing the level of practical supports in forms of transformational leadership, collaborative practice and instructional supervision on an ongoing basis.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan ikhlas dirakamkan kepada Prof. Madya Dr. Abdullah Mat Rashid selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan tesis atas pemberian sokongan, dorongan, bimbingan dan motivasi yang tidak ternilai sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan yang memberi tunjuk ajar dan khidmat nasihat secara berterusan kepada saya, iaitu Prof. Madya Datin Dr. Ramlah Hamzah dan Prof. Dr. Ab Rahim Bakar. Segala ilmu dan kemahiran yang dicurahkan kepada saya sepanjang tempoh penyeliaan tesis ini amat dihargai dan akan digunakan sebaik mungkin.

Penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih juga dirakamkan khas kepada semua penyelidik yang memberi kebenaran kepada saya untuk menggunakan instrumen kajian mereka, ahli akademik yang sudi menjadi panel bagi mengesahkan instrumen kajian yang diguna, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bahagian Tajaan Pendidikan yang memberi kebenaran menyambung pengajian di peringkat ini serta Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan dan semua Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri yang memberi kebenaran dan kerjasama dalam proses menyempurnakan penyelidikan ini.

Sekalung budi turut dirakamkan kepada semua Pengetua dan Guru Penolong Kanan sekolah yang terlibat di dalam kajian ini. Penghargaan khususnya turut diberikan kepada semua guru mata pelajaran KHB Pertanian di sekolah yang terlibat kerana banyak memberi sokongan dan kerjasama terutamanya sepanjang proses pemungutan data dijalankan. Diharapkan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak terutamanya yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan agar pengajaran dan pembelajaran di sekolah menjadi lebih baik dan menarik.

Akhir sekali teristimewa buat ayah dan ibu, teman setia, adik-beradik dan rakan-rakan yang banyak memberikan perangsang, bantuan dan pengorbanan yang tidak terhingga sepanjang perjalanan menamatkan pengajian ini. Sesungguhnya budi kalian sukar untuk dibalas. Semoga kalian sentiasa sihat sejahtera dan diberkati Tuhan.

Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 28 Disember 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi How Shwu Pyng bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah dan Kebolehterimaan Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Pertanian terhadap Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran Pendidikan Teknik dan Vokasional" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Asmawati bt Suhid, PhD
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Tajularipin bin Sulaiman, PhD
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Soaib b Asimiran, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Nor Aishah binti Buang, PhD
Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 30 Ogos 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeriaan adalah seperti berikut:

Abdullah bin Mat Rashid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ab Rahim bin Bakar, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Ramlah binti Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Abdullah Mat Rashid

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Ab Rahim Bakar

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Ramlah Hamzah

JADUAL KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|--------------------------|---|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | iii |
| PENGHARGAAN | v |
| PENGESAHAN | vi |
| PERAKUAN | viii |
| SENARAI JADUAL | xiv |
| SENARAI RAJAH | xvii |
| SENARAI SINGKATAN | xviii |
| | |
| BAB | |
| 1 | PENDAHULUAN |
| 1.1 | Pengenalan |
| 1.2 | Latar Belakang Masalah |
| 1.3 | Penyataan Masalah |
| 1.4 | Objektif Kajian |
| 1.5 | Persoalan Kajian |
| 1.6 | Kepentingan Kajian |
| 1.7 | Skop dan Batasan Kajian |
| 1.8 | Definisi Operasional |
| 1.8.1 | Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah |
| 1.8.2 | Kepimpinan Transformasional |
| 1.8.3 | Penglibatan Dalam Membuat Keputusan |
| 1.8.4 | Amalan Kolaboratif |
| 1.8.5 | Penyeliaan Pengajaran |
| 1.8.6 | Kebolehterimaan Guru KHB Pertanian |
| 1.8.7 | Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Pertanian |
| 1.8.8 | Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran |
| 1.8.9 | Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) |
| 1.8.10 | Demografi Guru |
| 1.9 | Rumusan |
| | |
| 2 | SOROTAN KAJIAN |
| 2.1 | Pengenalan |
| 2.2 | Latar Belakang Mata Pelajaran KHB Pertanian |
| 2.2.1 | Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Malaysia |

| | | |
|----------|--|------------|
| 2.2.2 | Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 31 |
| 2.3 | Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah | 38 |
| 2.3.1 | Model Budaya Pembaikan Sekolah | 42 |
| 2.3.2 | Teori Penyeliaan dan Sekolah Berjaya | 46 |
| 2.3.3 | Sintesis Model dan Teori Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah | 50 |
| 2.3.3.1 | Kepimpinan Transformasional | 51 |
| 2.3.3.2 | Penglibatan Dalam Membuat Keputusan | 55 |
| 2.3.3.3 | Amalan Kolaboratif | 59 |
| 2.3.3.4 | Penyeliaan Pengajaran | 63 |
| 2.4 | Kebolehterimaan Guru | 67 |
| 2.5 | Kerangka Teoritikal | 73 |
| 2.6 | Kerangka Kajian | 74 |
| 2.7 | Rumusan | 76 |
| 3 | METODOLOGI KAJIAN | 77 |
| 3.1 | Pengenalan | 77 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 77 |
| 3.3 | Lokasi Kajian | 78 |
| 3.4 | Populasi Kajian | 79 |
| 3.5 | Sampel Kajian | 79 |
| 3.6 | Instrumen Kajian | 83 |
| 3.6.1 | Bahagian A: Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah | 84 |
| 3.6.2 | Bahagian B: Kebolehterimaan Guru KHB Pertanian Terhadap Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 86 |
| 3.6.3 | Bahagian C: Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 87 |
| 3.6.4 | Bahagian D: Demografi Guru KHB Pertanian | 89 |
| 3.7 | Kajian Rintis | 89 |
| 3.7.1 | Kesahan Soal Selidik | 91 |
| 3.7.2 | Kebolehpercayaan Soal Selidik | 93 |
| 3.8 | Tatacara Kajian | 94 |
| 3.9 | Ralat Tanpa Sambutan | 96 |
| 3.10 | Analisa Data | 97 |
| 3.11 | Rumusan | 99 |
| 4 | DAPATAN KAJIAN | 100 |
| 4.1 | Pengenalan | 100 |
| 4.2 | Demografi Guru KHB Pertanian | 100 |
| 4.3 | Tahap Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 105 |

| | | |
|----------|---|------------|
| 4.4 | Tahap Kebolehterimaan Guru KHB Pertanian | 107 |
| 4.5 | Tahap Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah | 109 |
| 4.5.1 | Tahap Kepimpinan Transformasional | 109 |
| 4.5.2 | Tahap Penglibatan Dalam Membuat Keputusan | 111 |
| 4.5.3 | Tahap Amalan Kolaboratif | 112 |
| 4.5.4 | Tahap Penyeliaan Pengajaran | 114 |
| 4.6 | Perbezaan Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV Berdasarkan Faktor Demografi Terpilih | 115 |
| 4.7 | Kesan Utama Tahap Kebolehterimaan Guru KHB Pertanian Terhadap Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 122 |
| 4.8 | Kesan Utama Tahap Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah Terhadap Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 123 |
| 4.9 | Kesan Interaksi Antara Kebolehterimaan Guru KHB dan Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah Terhadap Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 126 |
| 4.10 | Maklum Balas Soalan Jawapan Pendek | 130 |
| 4.11 | Rumusan | 134 |
| 5 | PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN | 135 |
| 5.1 | Pengenalan | 135 |
| 5.2 | Perbincangan Kajian | 135 |
| 5.2.1 | Tahap Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 136 |
| 5.2.2 | Tahap Kebolehterimaan Guru KHB Pertanian | 138 |
| 5.2.3 | Tahap Kepimpinan Transformasional Dalam Konstruk Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah | 140 |
| 5.2.4 | Tahap Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Dalam Konstruk Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah | 143 |
| 5.2.5 | Tahap Amalan Kolaboratif Dalam Konstruk Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah | 144 |
| 5.2.6 | Tahap Penyeliaan Pengajaran Dalam Konstruk Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah | 146 |
| 5.2.7 | Perbezaan Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV Berdasarkan Faktor Demografi Terpilih | 148 |

| | | |
|--------|---|-----|
| 5.2.8 | Kesan Utama Tahap Kebolehterimaan Guru KHB Pertanian Terhadap Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 152 |
| 5.2.9 | Kesan Utama Tahap Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah Terhadap Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 152 |
| 5.2.10 | Kesan Interaksi Antara Kebolehterimaan Guru KHB dan Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah Terhadap Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 154 |
| 5.3 | Kesimpulan | 158 |
| 5.4 | Implikasi Kajian | 159 |
| 5.5 | Cadangan Kajian | 161 |
| 5.5.1 | Cadangan Berdasarkan Dapatan Kajian | 161 |
| 5.5.2 | Kajian Lanjutan | 165 |
| 5.6 | Rumusan | 166 |
| | RUJUKAN | 167 |
| | LAMPIRAN | 183 |
| | BIODATA PELAJAR | 219 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Muka Surat |
|--------|--|------------|
| 2.1 | Kerangka utama Penyataan Standard Prestasi | 26 |
| 2.2 | Penyataan Standard bagi mata pelajaran KHB Pertanian | 26 |
| 2.3 | Objektif Pentaksiran (OP) mata pelajaran KHB Pertanian | 27 |
| 3.1 | Bilangan SMK yang menawarkan mata pelajaran KHB Pertanian mengikut negeri dan wilayah persekutuan | 78 |
| 3.2 | Bilangan guru yang mengajar mata pelajaran KHB Pertanian mengikut negeri dan wilayah persekutuan | 79 |
| 3.3 | Bilangan SMK dan guru yang dipilih mengikut nisbah bagi setiap negeri dan wilayah persekutuan | 82 |
| 3.4 | Taburan item tentang sokongan budaya pembaikan sekolah | 85 |
| 3.5 | Analisis ujian Cronbach's Alpha untuk borang soal selidik versi asal | 93 |
| 3.6 | Analisis ujian Cronbach's Alpha untuk borang soal selidik versi kedua | 94 |
| 3.7 | Empat gelombang tindakan susulan dalam proses pentadbiran soal selidik | 97 |
| 3.8 | Pengelasan skala Likert dan skor | 97 |
| 3.9 | Indikator bagi penentuan tahap penilaian mengikut julat skor t | 98 |
| 3.10 | Analisis data berdasarkan persoalan kajian | 99 |
| 4.1 | Taburan frekuensi dan peratusan guru KHB Pertanian mengikut jantina dan umur | 100 |
| 4.2 | Taburan frekuensi dan peratusan guru KHB Pertanian mengikut pengalaman mengajar dan pengalaman mengajar KHB Pertanian | 101 |
| 4.3 | Profil maklumat mata pelajaran KHB Pertanian yang diajar oleh guru | 102 |
| 4.4 | Profil kelulusan guru KHB Pertanian | 103 |
| 4.5 | Taburan frekuensi dan peratusan guru KHB Pertanian bagi pengalaman mengikuti kursus penaksiran | 105 |
| 4.6 | Taburan min dan tahap penilaian mengikut 14 item amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 106 |
| 4.7 | Taburan frekuensi dan peratusan guru KHB Pertanian mengikut lima tahap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah | 107 |
| 4.8 | Taburan min dan tahap penilaian mengikut 12 item kebolehterimaan guru KHB Pertanian terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 107 |
| 4.9 | Taburan frekuensi dan peratusan guru KHB Pertanian mengikut lima tahap kebolehterimaan guru terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah | 109 |
| 4.10 | Taburan min dan tahap penilaian mengikut 12 item kepimpinan transformasional | 110 |
| 4.11 | Taburan frekuensi dan peratusan guru KHB Pertanian | 111 |

| | | |
|------|---|-----|
| | mengikut lima tahap kepimpinan transformasional yang dialami oleh guru di sekolah | |
| 4.12 | Taburan min dan tahap penilaian mengikut 12 item penglibatan dalam membuat keputusan | 111 |
| 4.13 | Taburan frekuensi dan peratusan guru KHB Pertanian mengikut lima tahap penglibatan dalam membuat keputusan yang dialami oleh guru di sekolah | 112 |
| 4.14 | Taburan min dan tahap penilaian mengikut 12 item amalan kolaboratif | 113 |
| 4.15 | Taburan frekuensi dan peratusan guru KHB Pertanian mengikut lima tahap amalan kolaboratif yang dialami oleh guru di sekolah | 114 |
| 4.16 | Taburan min dan tahap penilaian mengikut 10 item penyeliaan pengajaran | 114 |
| 4.17 | Taburan frekuensi dan peratusan guru KHB Pertanian mengikut lima tahap penyeliaan pengajaran yang dialami oleh guru di sekolah | 115 |
| 4.18 | Analisis Ujian-t bagi perbezaan amalan Penaksiran untuk PTV Pembelajaran berdasarkan jantina | 116 |
| 4.19 | Taburan min bagi amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV berdasarkan pengalaman mengajar dan pengalaman mengajar KHB Pertanian guru KHB Pertanian | 117 |
| 4.20 | Analisis ujian ANOVA Sehala bagi perbezaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV berdasarkan pengalaman mengajar dan pengalaman mengajar KHB Pertanian | 117 |
| 4.21 | Taburan min bagi amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV berdasarkan tiga maklumat mata pelajaran KHB Pertanian | 118 |
| 4.22 | Analisis ujian ANOVA Sehala bagi perbezaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV berdasarkan tiga maklumat mata pelajaran KHB Pertanian | 119 |
| 4.23 | Analisis Ujian-t bagi perbezaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV berdasarkan purata murid per kelas | 120 |
| 4.24 | Analisis Ujian-t bagi perbezaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV berdasarkan peringkat kelulusan tertinggi, pengkhususan dan pengalaman mengikuti kursus penaksiran | 121 |
| 4.25 | Taburan min bagi amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV berdasarkan lima tahap kebolehterimaan guru KHB Pertanian | 122 |
| 4.26 | Analisis ujian Faktorial ANOVA bagi kesan utama tahap kebolehterimaan guru KHB Pertanian terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 122 |
| 4.27 | Taburan min bagi amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV berdasarkan lima tahap sokongan budaya pembaikan sekolah berbentuk kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran | 123 |

| | | |
|------|--|-----|
| 4.28 | Analisis ujian Faktorial ANOVA bagi kesan utama tahap sokongan budaya pembaikan sekolah berbentuk kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 124 |
| 4.29 | Analisis ujian Faktorial ANOVA bagi kesan interaksi di antara kebolehterimaan guru KHB Pertanian serta sokongan budaya pembaikan sekolah berbentuk kepimpinan transformasional dan penyeliaan pengajaran terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 127 |
| 4.30 | Taburan frekuensi dan peratusan guru KHB Pertanian mengikut maklum balas dalam soalan jawapan pendek yang pertama | 131 |
| 4.31 | Taburan frekuensi dan peratusan guru KHB Pertanian mengikut maklum balas dalam soalan jawapan pendek yang kedua | 132 |
| 4.32 | Taburan frekuensi dan peratusan guru KHB Pertanian mengikut maklum balas dalam soalan jawapan pendek yang ketiga | 133 |
| 4.33 | Taburan frekuensi dan peratusan guru KHB Pertanian mengikut maklum balas dalam soalan jawapan pendek yang keempat | 134 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | | Muka Surat |
|--------------|--|-------------------|
| 2.1 | Ringkasan faktor yang mempengaruhi perubahan dalam pengajaran guru | 39 |
| 2.2 | Model Budaya Pembaikan Sekolah | 44 |
| 2.3 | Teori Penyeliaan dan Sekolah Berjaya | 48 |
| 2.4 | Model Normatif Penglibatan Dalam Membuat Keputusan | 56 |
| 2.5 | Teori Tingkah Laku Terancang | 70 |
| 2.6 | Kerangka teoritikal | 73 |
| 2.7 | Sokongan budaya pembaikan sekolah dan kebolehterimaan guru KHB Pertanian terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV | 75 |
| 3.1 | Prosedur pentadbiran soal selidik melalui pos | 78 |
| 3.2 | Prosedur persampelan kelompok dua tingkat untuk pemilihan sampel kajian | 83 |
| 3.3 | Tatacara kajian | 96 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|-------|---|
| ANOVA | Analysis of Variance |
| BPPDP | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan |
| DIP | Diploma |
| dk | Darjah Kebebasan |
| DPd | Diploma Pendidikan |
| DPg | Diploma Perguruan |
| DPM | Diploma Perguruan Malaysia |
| f | Frekuensi |
| FPK | Falsafah Pendidikan Kebangsaan |
| IPG | Institut Pendidikan Guru |
| IPS | Instrumen Pemastian Standard |
| IPT | Institut Pengajian Tinggi |
| ISL | Ijazah Sarjana Lanjutan |
| ISM | Ijazah Sarjana Muda |
| JERI | Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek |
| JKD | Jumlah Kuasa Dua |
| JPN | Jabatan Pelajaran Negeri |
| K | Kerap |
| KBSM | Kurikulum Baru Sekolah Menengah |
| KDPM | Kursus Diploma Perguruan Malaysia |
| KHB | Kemahiran Hidup Bersepadu |
| KK | Kurang Kerap |
| KPLD | Kursus Perguruan Lulusan Diploma |
| KPLI | Kursus Perguruan Lulusan Ijazah |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KS | Kurang Setuju |
| LPM | Lembaga Peperiksaan Malaysia |
| M | Min |
| MKD | Min Kuasa Dua |
| NFER | <i>National Foundation for Educational Research</i> |
| OECD | <i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i> |
| PBS | Pentaksiran Berasaskan Sekolah |
| PdP | Pengajaran dan Pembelajaran |
| PISMP | Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan |
| PMR | Penilaian Menengah Rendah |
| PP | Penaksiran Pusat |
| PPD | Pejabat Pelajaran Daerah |
| PPK | Pusat Perkembangan Kurikulum |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| PS | Pentaksiran Sekolah |
| PT3 | Pentaksiran Tingkatan 3 |
| S | Setuju |
| SIJ | Sijil |
| SK | Sangat Kerap |
| SMK | Sekolah Menengah Kebangsaan |

| | |
|--------|---|
| SMPd | Sarjana Muda Pendidikan |
| SMPg | Sarjana Muda Perguruan |
| SP | Sisihan Piawai |
| SPA/C | Sijil Perguruan Asas/Conversion |
| SPLI | Sijil Perguruan Lepas Ijazah |
| SS | Sangat Setuju |
| STK | Sangat Tidak Kerap |
| STS | Sangat Tidak Setuju |
| TK | Tidak Kerap |
| TS | Tidak Setuju |
| UNESCO | <i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i> |
| UPM | Universiti Putra Malaysia |



© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan modal insan berkualiti bergantung kepada pendidikan yang berkualiti (Bank Dunia, 2013; OECD, 2013; UNESCO, 2012). Kualiti bagi Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Pertanian sebagai mata pelajaran menengah rendah yang wajib turut dimantapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PBS berperanan mengukuhkan hasil pembelajaran murid, meningkatkan kualiti pengajaran guru serta memberi maklumat yang sah tentang Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Ia diamalkan oleh guru KHB Pertanian yang diberi autonomi sepenuhnya secara berterusan dalam PdP berdasarkan Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid di bawah suatu mekanisme jaminan kualiti. PBS berfungsi sebagai Penaksiran tentang Pembelajaran bagi mengetahui status pencapaian murid dan berfungsi sebagai Penaksiran untuk Pembelajaran bagi memperoleh maklumat perkembangan murid. Maklumat Penaksiran untuk Pembelajaran juga penting bagi tujuan penaksiran kompetensi murid dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (Marina & Jamil, 2015).

Mata pelajaran KHB Pertanian berelemen Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) turut menuntut guru untuk membimbing murid dalam PdP serta menaksir perkembangan pembelajaran murid melalui pelbagai instrumen penaksiran seiring dengan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran (LPM, 2014a). Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran telah membawa perubahan yang ketara kepada sistem penilaian murid, amalan penaksiran guru dan juga PdP peringkat sekolah. Namun ia tetap dipercayai dan disarankan sebagai salah satu fungsi utama PBS supaya diterima, dikuasai dan dimanfaatkan oleh semua guru KHB Pertanian. Isu kebolehterimaan guru terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran bertambah rumit akibat pembaikan sistem dan perubahan kaedah pelaksanaan yang berterusan. Pembaikan dan perubahan dalam pendidikan juga didapati sukar untuk mencapai kejayaan tanpa mengambil kira budaya di sekolah (Fullan, 2011). Maka pihak sekolah harus memahami segala perubahan penting dalam konteks kebolehterimaan guru dan budaya sekolah sementara mencorakkan budaya pembaikan sekolah yang positif demi menyokong amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV dalam kalangan guru KHB Pertanian.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sistem pendidikan Malaysia mementingkan pembangunan insan menyeluruh selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Semua murid wajib mengikuti kurikulum bertulis yang sama dan menduduki peperiksaan berpusat peringkat nasional bagi mengukur tahap pencapaian akaedemik mereka. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang terkini melaporkan bahawa potensi kurikulum bertulis tidak terlaksana sepenuhnya kerana pengajaran guru hanya memberi ruang kepada kandungan kurikulum yang selalu diuji dalam peperiksaan berpusat. Isu guru mengajar untuk tujuan peperiksaan turut menjadi polemik sehingga sistem peperiksaan berpusat yang sedia ada dikatakan tidak menguji kesemua kemahiran yang dihasratkan dalam sistem pendidikan Malaysia bagi meningkatkan kualiti kemenjadian murid (PPPM, 2013).

Peningkatan kualiti kemenjadian murid telah menjadi tumpuan sistem pendidikan negara demi memenuhi kepelbagaian minat dan bakat murid melalui pembangunan akses kepada pilihan laluan alternatif yang menarik dan berdaya maju (PPPM, 2013). Antara laluan yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) termasuk laluan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) yang terus ditingkatkan kualitinya melalui Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional. Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional bukan sahaja memperluaskan akses kepada laluan PTV dalam sistem pendidikan kebangsaan seawal peringkat menengah rendah malahan mengukuhkan laluan sedia ada pada peringkat menengah atas melalui transformasi kurikulum. Pelan ini juga mengambil tindakan untuk mentransformasikan mekanisme penaksiran murid supaya menjurus kepada pengiktirafan yang berasaskan standard kompetensi vokasional.

Pendidikan berasaskan kompetensi yang mengutamakan maklum balas sumatif didapati berjalin rapat dengan Penaksiran untuk Pembelajaran (Govaerts, 2015). Sistem penaksiran nasional yang berorientasikan peperiksaan turut dirombak oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) melalui pengoperasian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PBS digariskan dalam anjakan pertama PPPM 2013-2025 sebagai kesinambungan langkah transformasi sistem pendidikan Malaysia yang menjurus kepada keberhasilan murid. PBS dihasrat dapat mengurangkan amalan mengajar untuk tujuan peperiksaan dengan membudayakan Penaksiran tentang Pembelajaran dan Penaksiran untuk Pembelajaran (Pelan Strategik Interim, 2012). Penaksiran untuk Pembelajaran memiliki daya tarikan yang tidak diragui terutamanya apabila kontras dengan Penaksiran tentang Pembelajaran (Wiliam, 2011). Ia akan memberi peluang yang lebih menyeluruh kepada murid untuk menambah pengalaman dan kemahiran diri (Pelan Strategik Interim, 2012).

Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran penting dalam PTV bagi menyokong agenda transformasi ekonomi negara dalam mengeluarkan tenaga kerja mahir dan terlatih (Marina & Jamil, 2015). Ia juga memberi sumbangan yang kuat kepada PTV dengan membekalkan suatu rangka kerja yang memberikan murid kuasa untuk mengawasi

pembelajaran diri sementara menekankan potensi bagi semua murid untuk berjaya dan menggalakkan murid untuk bertanggungjawab terhadap perkembangan diri mereka. Maka pembelajaran murid harus digalakkan secara holistik oleh guru melalui amalan Penaksiran untuk Pembelajaran (Na'imah, 2011). Namun guru cenderung untuk memfokuskan pengajaran kepada penghasilan gred murid yang baik melalui Penaksiran tentang Pembelajaran berbanding membimbing proses pencapaian objektif pembelajaran murid melalui Penaksiran untuk Pembelajaran (Mohammad Azhar, 2006; Tan, 2010). Ini jelas memperlihatkan suatu jurang pelaksanaan amalan penaksiran dalam kalangan guru.

Jurang pelaksanaan biasanya diwujudkan oleh faktor ketegaran guru dari segi kepercayaan, nilai, emosi negatif, pengalaman kerja serta kekurangan pengetahuan dan kemahiran (Breen, 2007; Witz & Lee, 2009; Zhang, 2007). Kemahiran Penaksiran untuk Pembelajaran PTV penting dikuasai oleh guru KHB Pertanian sebab kejayaan perubahan pendidikan akan ditentu oleh keupayaan guru dalam melaksanakan perubahan berkenaan (Fullan, 2007). Namun guru KHB Pertanian masih tidak selesa untuk menterjemahkan amalan penaksiran secara betul walaupun telah mendapat pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan melalui kursus penaksiran (Salmiah, Ramlah, Ab. Rahim & Abdullah, 2013; Salmiah & Yusof, 2014). Maka faktor individu guru KHB Pertanian selain kemahiran harus difokus demi menjayakan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV.

Perubahan dalam individu guru didapati akan menjamin perubahan dalam amalan pengajaran mereka mengikut hasrat perubahan pendidikan (Lee & Yin, 2005). Perubahan pendidikan di sekolah akan didorong, diubahsuai dan dilaksana oleh guru sebagai agen perubahan (Fullan, 2007). Guru di Malaysia bukan sahaja dituntut oleh perubahan pendidikan supaya bertugas sebagai pendidik dalam proses pengajaran, bertindak sebagai pembimbing dalam proses pembelajaran tetapi juga bertindak selaku pentaksir peringkat sekolah di bawah konteks PBS yang menuntut komitmen yang tinggi serta hala tuju yang jelas untuk mengembangkan potensi murid ke tahap maksimum (LPM, 2014a). Saranan meningkatkan kualiti pembelajaran murid melalui Penaksiran untuk Pembelajaran juga menuntut guru untuk merancang, membina dan mentadbir penaksiran secara berterusan demi mendapat maklumat perkembangan murid dan menambah baik PdP (LPM, 2014b).

Kerja penaksiran yang membebankan guru telah mempengaruhi tahap amalan penaksiran di sekolah (Chan & Gurnam, 2012; Hjh Norzila, 2013; Tan, 2010). Beban pengajaran seperti jumlah kelas seminggu juga dibuktikan berperanan kritikal dalam amalan penaksiran guru selain daripada faktor demografi seperti jantina, pengalaman mengajar, kelulusan iktisas, pengkhususan, pengalaman mengikuti kursus penaksiran, tingkatan atau mata pelajaran yang diajar (Alkharusi, Aldhafri, Alnabhani & Alkalbani, 2014; Rohaya, Mohd Zaki, Hamimah, & Adibah, 2014; Rohayah, 2007; Salmiah, et al., 2013). Guru khususnya yang mengajar mata pelajaran praktikal turut didapati lebih cenderung kepada penggunaan penaksiran alternatif yang berasaskan prestasi murid berbanding mata pelajaran yang lain (Alkharusi et al., 2014). Maka faktor demografi bagi guru yang mengajar mata pelajaran amali iaitu KHB Pertanian di sekolah wajar

didalami demi melihat pengaruhnya kepada tahap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV.

Isu beban kerja seperti keperluan untuk menaksir perkembangan, kemajuan serta pencapaian bagi setiap murid secara menyeluruh dari segi teori dan amali juga mempengaruhi sikap dan kesudian guru KHB untuk mengubah amalan penaksiran dalam PdP (Rohayah, 2007). Guru akan menilai kesan perubahan pendidikan terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk menerima perubahan berkenaan atau tidak (Ma, Yin, Tang & Liu, 2009). Perubahan pendidikan tidak akan dilaksanakan secara betul dalam PdP tanpa kebolehterimaan guru (Yin, Jin & Ma, 2008). Maka kajian perubahan pendidikan berskala besar di bawah sistem kawalan pusat yang melibatkan perubahan amalan pengajaran guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) telah memberikan fokus utama kepada kebolehterimaan guru (Ha, Sum, Chan, O'Sullivan & Pang, 2010; Lee, Yin, Zhang & Jin, 2011; Ma et al., 2009; Yin et al., 2008; Yin, Lee & Jin, 2011).

Kebolehterimaan guru lazimnya ditakrif mengikut Teori Aksi Bersebab (Ha et al., 2010; Lee & Yin, 2005; Ma et al., 2009). Ia telah dibukti sebagai salah satu faktor penting untuk mencapai matlamat perubahan pendidikan di sekolah (Lee, 2010; Lee & Yin, 2005). Penguasaan maklumat tentang kebolehterimaan guru dikatakan dapat mendorong pelaksanaan perubahan di sekolah (Lee et al., 2011). Namun teori tersebut telah lama didalami oleh Ajzen manakala kebolehterimaan guru KHB Pertanian khususnya terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di Malaysia masih kurang diketahui. Amalan penaksiran dapat dijayakan jika tahap penerimaan guru yang dibentuk oleh kepercayaan, sikap dan niat adalah tinggi (Abdul Zubir, 2007; Salmiah et al., 2013; Salmiah & Yusof, 2014). Maka kebolehterimaan guru KHB Pertanian harus didalami demi menyokong pelaksanaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV.

Pelaksanaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran mengikut konteks PBS turut memperlihatkan suatu perubahan ketara yang menuntut kesediaan pihak sekolah di Malaysia (Hjh Norzila, 2013). Kebanyakan sekolah di Malaysia kelihatan sama dari segi kurikulum, kemudahan, bentuk bangunan, kelayakan guru dan lain-lain. Namun setiap sekolah tetap memiliki kelainan tersendiri yang diwujudkan oleh budaya sekolah masing-masing (Marzano, Waters & McNulty, 2005). Budaya sekolah dapat diubah dan dicorak semula oleh pemimpin sekolah sebab mereka memiliki pengaruh yang kuat kepada perubahan peringkat sekolah (Leithwood, Day, Sammons, Harris & Hopkins, 2006). Maka pemimpin sekolah harus kerap mengubah atau memperbaharui gaya kepimpinan diri mereka supaya bersesuaian dengan hasrat perubahan pendidikan (Rahimah, 2005).

Kepimpinan ialah proses mempengaruhi pemahaman dan persetujuan warga lain serta memudahkan usaha individu dan kolektif demi mencapai objektif sepunya (Yukl, 2012). Kepimpinan berkesan dapat membentuk persetujuan dalam warga sekolah melalui pertukaran maklumat secara dinamik (Nahavandi, 2014). Ia juga dapat menggalakkan perubahan dalam amalan pengajaran guru (Maughan, Teeman &

Wilson, 2012). Maka kepemimpinan berkesan harus dimiliki oleh pemimpin demi menjadi asas usaha pembaikan sekolah yang berterusan (Muijs & Harris, 2007). Cabaran penstrukturan semula dan ketidaktentuan dalam persekitaran sekolah di bawah perubahan pendidikan, termasuk bidang PTV, turut menuntut pemimpin untuk berubah dan mewujudkan kepemimpinan transformasional yang lebih sesuai (Kedir & Geleta, 2017; Leithwood & Jantzi, 2005). Pemimpin PTV yang berjaya menghadapi dan mengendali pelbagai cabaran dalam PTV di Malaysia sehingga memenangi anugerah peringkat dalaman mahupun antarabangsa juga didapati mengamalkan kepemimpinan transformasional (Ibrahim & Ahmad, 2017).

Kepimpinan transformasional berperanan menggerakkan komitmen guru ke arah menyokong dan mencapai matlamat perubahan pendidikan (Leithwood et al., 2006). Ia mengamalkan pendekatan fleksibel bagi menyelesaikan masalah, meningkatkan motivasi dan komitmen, menurunkan kuasa serta membimbing warga sekolah ke arah melaksanakan perubahan pendidikan (Leithwood & Jantzi, 2005; Yukl, 2012). Kepimpinan transformasional sebagai salah satu elemen budaya pembaikan sekolah didapati akan mempengaruhi pengajaran guru dalam perubahan pendidikan (Leithwood & Jantzi, 2006). Ia juga dapat mewujudkan pembelajaran sepanjang hayat dalam PTV jika diamalkan oleh pemimpin (Jamaluddin, Baharom, Kamarolzman, Ramlan & Hussein, 2010; Nur Hafizah, 2012). Maka kepemimpinan transformasional dilihat sebagai sokongan berkesan kepada guru KHB Pertanian untuk mengamalkan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV.

Pemimpin sekolah juga harus bertindak fleksibel demi menjayakan perubahan pendidikan dengan membolehkan guru menyertai proses penyelesaian masalah secara rasional melalui penglibatan dalam membuat keputusan (Owens & Valesky, 2011). Penglibatan dapat menjamin pencapaian matlamat perubahan pendidikan dari segi fikiran, sikap, nilai dan amalan sementara memberi impak kepada persekitaran bilik darjah, situasi PdP serta peranan guru dan murid (Tan, 2010). Penglibatan guru dalam membuat keputusan secara khususnya dikatakan penting sebab keputusan peringkat sekolah akan mempengaruhi profesional dan kepakaran guru sebagai pemegang arahan, pelaksana dasar dan penganjur aktiviti di sekolah (Mualuko, Mukasa & Judy, 2009). Ia juga dapat meringankan beban pemimpin sekolah melalui pencapaian keputusan bersama sebagai alternatif terbaik bagi menjamin kejayaan perubahan pendidikan di sekolah (Jaafar, 2007).

Persoalan tentang penglibatan dalam membuat keputusan juga didapati penting dalam konteks PTV (Rauner & Maclean, 2008). Kekurangan penglibatan guru dalam membuat keputusan turut dikenali sebagai salah satu isu kritikal yang menghalang kejayaan PTV (Axmann, Rhoades, Nordstrum, La Rue & Byusa, 2015; Umunadi, 2012). Maka penglibatan guru dalam membuat keputusan harus digalakkan melalui pemberian peluang yang adil tanpa dibatasi dengan kriteria tertentu supaya keputusan diterima dan dilaksanakan dengan lebih efektif (Olorunsola & Olayemi, 2011; Rahmad Sukor & Norliza, 2006). Penglibatan guru juga harus diutamakan dalam domain keputusan pengajaran mahupun pentadbiran sekolah (Gemechu, 2014). Ia akan membentuk

keputusan berkualiti ke arah pembaikan sekolah (Mualuko et al., 2009; Owens & Valesky, 2011).

Penglibatan dalam membuat keputusan bukan sahaja berfungsi sebagai salah satu amalan budaya pembaikan sekolah bagi membentuk perancangan berkongsi yang berkesan dalam Model Budaya Pembaikan Sekolah Cavanagh dan Dellar (1998). Ia juga mempengaruhi pelaksanaan perubahan pendidikan di sekolah dengan menyumbang perubahan positif ke dalam amalan pengajaran guru (Gemechu, 2014; Maughan et al., 2012). Guru KHB Pertanian di Malaysia telah diiktirafkan sebagai pentaksir sekolah dengan pemberian autonomi untuk menaksir perkembangan dan keberhasilan murid sepenuhnya melalui amalan Penaksiran untuk Pembelajaran (LPM, 2014a). Hal ini turut menuntut pemimpin sekolah supaya berkongsi kuasa membuat keputusan dengan guru KHB Pertanian dalam pelaksanaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV. Maka penglibatan dalam membuat keputusan wajar diwujudkan sebagai sokongan kepada guru KHB Pertanian dalam pelaksanaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV.

Penglibatan dalam membuat keputusan juga dapat digalakkan apabila pemimpin sekolah berusaha untuk memupuk amalan berkongsi idea dan belajar bersama antara warga sekolah melalui pembentukan hubungan kolaboratif (Gemechu, 2014). Hubungan kolaboratif dapat dibentuk melalui perbincangan yang mementingkan setiap warga sekolah sebagai penyumbang secara sama rata (Abdul Ghani & Tang, 2006). Kolaboratif yang berjaya memerlukan masa dan matlamat atau hasil yang spesifik (Friend & Cook, 2009). Ia harus diamalkan oleh setiap warga sekolah demi berkongsi ilmu, maklumat, kemahiran dan pengalaman terutamanya dalam kalangan guru yang merupakan sumber sekolah yang paling berharga (Rahmad Sukor & Norliza, 2006). Amalan kolaboratif juga mendorong pembentukan tindakan kolektif dalam kalangan guru ke arah pembaikan sekolah (Mees, 2008). Sekolah didapati lebih bersedia terhadap perubahan dan pembaikan pendidikan jika kolaboratif diamalkan (Abdul Ghani & Tang, 2006).

Amalan kolaboratif sebagai salah satu budaya pembaikan sekolah turut dikenali sebagai penyumbang perubahan positif dalam amalan pengajaran guru (Maughan et al., 2012). Ia bukan sahaja penting kepada usaha pembaikan sekolah tetapi juga penting kepada usaha pembaikan amalan pengajaran guru (Goddard, Goddard & Tschannen-Moran, 2007). Guru yang mengamalkan kolaboratif di sekolah didapati mampu memberi pendedahan yang diperlukan kepada murid sementara mengukuhkan kemampunan bidang PTV (Asnul & Ruhizan, 2010). Bidang PTV dikatakan paling berkesan apabila guru yang berlainan pengetahuan dan pengalaman mengamalkan kolaboratif di sekolah (CAVTL, 2013). Kolaboratif antara guru yang berlainan latar belakang juga berupaya menghasilkan sesuatu yang baru, inovatif dan di luar jangkaan dalam bidang PTV (Kairisto-Mertanen, Penttilä, Lappalainen & Gfrerer, 2012).

Amalan kolaboratif yang wujud dalam kalangan guru di sekolah turut dikenali pasti sebagai suatu strategi berguna bagi mengekalkan kompetensi semasa guru PTV (Clayton, 2012). Guru PTV harus diberi peluang untuk mengamalkan kolaboratif supaya mengekalkan keberkesanan pembelajaran dan meningkatkan kecekapan pengajaran (Clayton, 2012; Nissilä, Karjalainen, Koukkari & Kepanen, 2015). Namun kejayaan amalan kolaboratif didapati bergantung kepada kesediaan dan kesudian guru PTV untuk belajar daripada rakan lain (Kairisto-Mertanen et al., 2012). Ia harus diolah secara kreatif bagi memupuk kerjasama dan kepercayaan sementara menyemai semangat dan motivasi yang tinggi (Abdul Ghani & Tang, 2006). Maka amalan kolaboratif wajar dibentuk demi menyokong guru KHB Pertanian dalam amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV.

Keberkesanan PTV juga dapat dicapai melalui penyeliaan pengajaran di sekolah yang mencukupi dan berkesan (Oguzor, 2011). Penyeliaan pengajaran telah mengalami perubahan di bawah anjakan budaya sekolah ke arah kesejawatan yang penting dalam pembaikan sekolah (Glickman, Gordon & Ross-Gordon, 2010). Penerapan kesejawatan ke dalam penyeliaan pengajaran dianggap wajar bagi mendorong refleksi, kreativiti dan tahap pengambilan risiko guru semasa menghadapi perubahan pendidikan (Sergiovanni & Green, 2014; Sergiovanni, Starratt & Cho, 2013; Sullivan & Glanz, 2005). Namun kesejawatan jarang diterapkan sebab penyeliaan pengajaran telah lama berfungsi sebagai alat pemeriksaan dan pengawalan pengajaran guru (Glickman et al., 2010). Keberkesanan penyeliaan pengajaran PTV turut terhalang oleh isu konfrontasi, pempolitan dalam proses, perancangan yang lemah serta kekurangan mobiliti, pengurusan yang konsisten dan kepercayaan terhadap penyelia (Amadi & Johnwest, 2016; Clark & Olumese, 2013).

Penyeliaan pengajaran disarankan supaya bermatlamat menasihati, membantu dan menyokong guru selain memeriksa, mengawal dan menilai pengajaran guru (UNESCO, 2007). Keperluan perkembangan dalam kalangan guru juga harus diwujudkan melalui penyeliaan pengajaran dan dipenuhi melalui perbincangan dan pemilihan kaedah terbaik secara bersama (Nolan & Hoover, 2011). Penyeliaan pengajaran dalam PTV pula harus bertujuan memberikan nasihat prosedur dan teknikal, memastikan kualiti pelaksanaan program, memastikan dan merangsang amalan kerja yang baik, menyediakan peluang untuk tindakan pemulihan pada masa yang tepat, menyediakan dokumensi penyelesaian masalah serta memberikan kesedaran tentang kewujudan masalah demi mengelakkan pengulangan pada masa hadapan (Amadi & Johnwest, 2016; Oguzor, 2011).

Penyeliaan pengajaran di Malaysia adalah arahan rasmi melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987 yang menegaskan tanggungjawab pemimpin sebagai penyelia PdP di sekolah. Penyelia harus berpengetahuan, berkemahiran interpersonal dan teknikal serta sedia menyokong guru melalui penyeliaan pengajaran berkesan (Brennen, 2008; Glickman et al., 2010). Penyeliaan pengajaran berkesan dalam Teori Penyeliaan dan Sekolah Berjaya Glickman, Gordon dan Ross-Gordon (2010) memberatkan kesejawatan dan perkembangan guru demi membentuk budaya pembaikan sekolah yang positif. Ia merupakan sokongan yang berupaya memudahkan perubahan dalam

pengajaran guru (Glickman et al., 2010; Maughan et al., 2012). Penyeliaan pengajaran PTV yang berkesan pula dapat merealisasikan pembaikan sekolah dengan mengepin tanggungjawab pemimpin dengan operasi harian sekolah sementara membaiki PdP guru (Amadi & Johnwest, 2016). Maka penyeliaan pengajaran berkesan wajar diwujudkan demi menyokong guru KHB Pertanian dalam amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV.

Kajian lepas secara keseluruhannya menunjukkan bahawa amalan penaksiran guru di sekolah berpotensi dipengaruhi oleh faktor demografi guru yang tertentu. Ia juga berupaya disokong oleh tahap kebolehterimaan guru yang tinggi serta tahap kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran yang positif dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah. Empat sokongan budaya pembaikan sekolah yang berbeza adalah wajar jika dikaji bersama dengan kebolehterimaan guru bagi tujuan meningkatkan kelancaran dan keberkesanan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah. Justeru kajian ini secara umumnya dilaksanakan untuk memberikan perspektif lanjutan dan meningkatkan kefahaman tentang pelaksanaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah mengikut konteks Malaysia dengan mengenal pasti perbezaannya berdasarkan faktor demografi guru yang tertentu di samping mengenal pasti kesannya berdasarkan kebolehterimaan dalam kalangan guru KHB Pertanian di sekolah dan juga empat elemen dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah yang berbeza.

1.3 Penyataan Masalah

Laluan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) telah diperluaskan dalam sistem pendidikan Malaysia melalui Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013). Mekanisme penaksiran murid dalam PTV juga ditransformasi berasaskan standard kompetensi vokasional dengan membudayakan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran (Pelan Strategik Interim, 2012). Penaksiran untuk Pembelajaran didapati jarang diamalkan oleh guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara konsisten (Rohaya, Hamimah, Nor Sahidah & Mohd Aisamuddin, 2014). Guru cenderung untuk memisahkan penaksiran daripada PdP serta diamalkan sebagai suatu produk penghasilan gred murid sehingga pencapaian objektif Penaksiran untuk Pembelajaran terjejas (Mohammad Azhar, 2006; Tan, 2010). Kualiti pelaksanaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran turut dicadangkan sebagai fokus dalam kajian lanjutan (Nkalane, 2015). Maka Penaksiran untuk Pembelajaran difokuskan dalam kajian ini bagi mengenal pasti tahap amalannya khas dalam kalangan guru mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Pertanian yang berelemen PTV di sekolah.

Faktor demografi guru telah dibukti akan menyumbangkan variasi dalam amalan penaksiran guru dari segi jantina, pengalaman mengajar, beban pengajaran, pengalaman mengikuti kursus penaksiran dan tingkatan atau mata pelajaran yang diajar kecuali kelayakan guru (Alkharusi, Aldhafri, Alnabhani & Alkalbani, 2014).

Kelayakan guru mengikut jenis latihan perguruan yang diterima pula secara terbaliknyanya didapati akan mempengaruhi tahap amalan penaksiran khususnya dalam kalangan guru KHB Pertanian kecuali jantina dan pengkhususan sama ada dalam bidang pertanian atau bukan pertanian (Salmiah, Ramlah, Ab. Rahim & Abdullah, 2013). Namun isu bukan opsyen dalam kalangan guru KHB telah dibuktikan sebagai salah satu sebab yang mempengaruhi keberkesanan amalan penaksiran di sekolah (Rohayah, 2007). Guru juga dikatakan akan memperolehi pengetahuan penaksiran daripada rakan sejawat atau guru lain walaupun mereka tidak berpengalaman mengikuti kursus penaksiran (Suah, Ong & Shuki, 2010). Dapatan kajian lepas yang tidak selaras telah menunjukkan keperluan untuk mendalami kajian tentang faktor demografi guru dengan amalan penaksiran mereka. Maka kajian ini dijalankan untuk merapatkan jurang ini dengan memfokus kepada amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV khasnya dalam kalangan guru KHB Pertanian.

Guru KHB Pertanian seterusnya didapati masih menunjukkan sikap yang tidak selesa untuk mengamalkan penaksiran secara betul dalam PdP walaupun memiliki pengetahuan dan kemahiran penaksiran yang diperlukan sebab mereka masih teragak-agak untuk menerima amalan penaksiran baru dengan sepenuhnya (Salmiah & Yusof, 2014). Fenomena memberatkan Penaksiran tentang Pembelajaran akan meneruskan amalan mengajar untuk peperiksaan dalam kalangan guru (Russell & Airasian, 2012). Isu seperti guru bukan opsyen dan beban pengajaran turut menyebabkan penerimaan dalam kalangan guru KHB Pertanian bertahap rendah (Salmiah et al., 2013; Salmiah & Yusof, 2014). Kebolehterimaan guru, termasuk tahap penerimaan guru KHB Pertanian, didapati akan memberi kesan secara langsung ke atas tahap pelaksanaan amalan penaksiran di sekolah (Lee, 2010; Salmiah et al., 2013; Salmiah & Yusof, 2014). Namun lambakan kajian telah mengkaji tahap kebolehterimaan guru terhadap amalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) secara umum berbanding dengan kajian yang memfokus kepada amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV secara khusus. Maka kebolehterimaan guru KHB Pertanian akan ditelitikan dalam kajian ini demi mengenal pasti kesannya terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah.

Tahap penerimaan guru KHB Pertanian terhadap amalan penaksiran di sekolah didapati hanya diukur dalam kajian lepas melalui tiga aspek utama dalam Teori Aksi Bersebab Fishbein dan Ajzen (1975) iaitu kepercayaan, sikap dan niat (Salmiah et al., 2013; Salmiah & Yusof, 2014). Namun teori ini telah lama didalami dan dikembangkan oleh Ajzen (1991) sebagai Teori Tingkah Laku Terancang dengan penambahan konstruk tanggapan kawalan kelakuan sebagai peramal baru kepada kelakuan manusia. Kuasa ramalan Teori Tingkah Laku Terancang juga ditingkatkan melalui gabungan konstruk sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan kelakuan dan niat. Teori ini telah digunakan dalam beberapa kajian lepas untuk mentakrifkan konsep kebolehterimaan guru terhadap perubahan pendidikan peringkat sekolah (Lee, Yin, Zhang & Jin, 2011; Yin, Jin & Ma, 2008; Yin, Lee & Jin, 2011). Maka Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991) yang menggabungkan pelbagai aspek dan memiliki kuasa ramalan yang lebih baik didapati lebih sesuai bagi kajian ini demi mendalami pengukuran kebolehterimaan guru KHB Pertanian khususnya terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah.

Sokongan perubahan positif kepada amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah turut dipetakan kepada empat tema utama iaitu kepimpinan, perancangan dan persediaan yang berkaitan dengan penglibatan warga sekolah, perkembangan amalan serta penyeliaan dan penilaian (Maughan, Teeman & Wilson, 2012). Empat sokongan ini secara khususnya selaras dengan kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran yang didapati berpotensi menjadi sokongan berkesan kepada usaha pembaikan amalan pengajaran guru dalam PTV. Kesemua sokongan ini turut dilihat sebagai elemen budaya sekolah yang akan berinteraksi secara dinamik dan seimbang ke arah pembaikan sekolah dalam Model Budaya Pembaikan Sekolah Cavanagh dan Dellar (1998). Budaya pembaikan sekolah yang positif dibuktikan dapat menyokong kejayaan perubahan pendidikan di sekolah (Tsang, 2009). Maka empat sokongan yang dikenal pasti akan dikaji di bawah konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah dalam kajian ini demi mengenal pasti kesannya terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV dalam kalangan guru KHB Pertanian di sekolah.

Kebolehterimaan guru dan budaya pembaikan sekolah yang dibuktikan sebagai sokongan penting kepada guru dalam melaksanakan perubahan pendidikan didapati sering dikaji secara berasingan. Kajian ini berusaha untuk mengkaji konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah bersama dengan kebolehterimaan guru KHB Pertanian khususnya terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV yang dikenali sebagai salah satu perubahan pendidikan di Malaysia. Ia juga bertujuan mengesahkan kesan interaksi antara konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah dan kebolehterimaan guru KHB Pertanian terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV. Dapatan empirikal yang dihasilkan melalui kajian ini boleh membantu pihak sekolah dalam penggabungan sokongan yang pramatik sebagai suatu strategi untuk mendorong dan mengekalkan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah. Dapatan kajian ini juga menyumbang maklumat kebolehterimaan guru KHB Pertanian kepada pihak perancang dasar terutamanya kepada Lembaga Peperiksaan Malaysia yang merancang strategi latihan dan pemantauan khususnya dalam amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV berbeza berdasarkan faktor demografi guru yang terpilih, tahap kebolehterimaan guru Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Pertanian dan juga kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran yang mereka alami di sekolah dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah. Sementara itu, objektif khusus bagi kajian ini pula adalah untuk mengenal pasti lima aspek yang berikut:

1. Mengenal pasti tahap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV, tahap kebolehterimaan guru KHB Pertanian serta tahap kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan mengenai amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV berdasarkan faktor demografi terpilih (Jantina, Pengalaman mengajar, Pengalaman mengajar KHB Pertanian, Maklumat mata pelajaran KHB Pertanian yang diajar, Peringkat kelulusan tertinggi, Pengkhususan dan Pengalaman mengikuti kursus penaksiran).
3. Mengenal pasti sama ada terdapat kesan utama yang signifikan bagi tahap kebolehterimaan guru KHB Pertanian terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah.
4. Mengenal pasti sama ada terdapat kesan utama yang signifikan bagi tahap kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah.
5. Mengenal pasti sama ada terdapat kesan interaksi yang signifikan di antara kebolehterimaan guru KHB Pertanian serta kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah.

1.5 Persoalan Kajian

Tujuh persoalan kajian telah diutarakan berdasarkan objektif kajian sebagai panduan dalam proses melaksanakan kajian ini, iaitu:

1. Apakah tahap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV dalam kalangan guru KHB Pertanian di sekolah?
2. Apakah tahap kebolehterimaan guru KHB Pertanian terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah?
3. Apakah tahap kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah yang dialami oleh guru KHB Pertanian di sekolah?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan mengenai amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV berdasarkan faktor demografi guru KHB Pertanian yang terpilih (Jantina, Pengalaman mengajar, Pengalaman mengajar KHB Pertanian, Maklumat mata pelajaran KHB Pertanian yang diajar, Peringkat kelulusan tertinggi, Pengkhususan dan Pengalaman mengikuti kursus penaksiran)?

5. Adakah terdapat kesan utama yang signifikan bagi tahap kebolehterimaan guru KHB Pertanian terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah?
6. Adakah terdapat kesan utama yang signifikan bagi tahap kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah yang dialami oleh guru KHB Pertanian terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah?
7. Adakah terdapat kesan interaksi yang signifikan di antara kebolehterimaan guru KHB Pertanian serta kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV berdasarkan tahap kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah serta tahap kebolehterimaan guru Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Pertanian. Ia juga bertujuan mengenal pasti kesan interaksi antara amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV dengan kebolehterimaan guru KHB Pertanian dan keempat-empat sokongan budaya pembaikan sekolah. Kepentingan kajian secara khususnya ialah:

1. Memperkayakan kajian tentang amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV dalam kalangan guru KHB Pertanian yang masih kurang diketahui. Perkara ini penting bagi membekalkan maklumat yang berguna kepada Lembaga Peperiksaan Malaysia sebab pelaksanaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV yang betul dapat mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dalam kalangan guru demi meningkatkan kualiti keberhasilan murid PTV.
2. Mengetahui perbezaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV berdasarkan tahap kebolehterimaan guru KHB Pertanian supaya mencadangkan tindakan susulan yang lebih bermakna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian Pendidikan Guru. Perkara ini penting untuk menyesuaikan rancangan intervensi atau program pembangunan profesionalisme dengan tahap kebolehterimaan guru bagi menambah baik amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah.
3. Merumuskan bentuk sokongan budaya pembaikan sekolah yang praktikal bagi meningkatkan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV peringkat sekolah. Perkara ini penting untuk meningkatkan kualiti latihan atau program pengaruhan yang dituju kepada pentadbir sekolah sementara membantu mereka dalam pengubahsuaian budaya pembaikan sekolah supaya menjadi sokongan kepada amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah.

4. Mengesahkan kesan interaksi di antara kebolehterimaan guru KHB Pertanian dan empat sokongan budaya pembaikan sekolah yang berbeza terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah. Perkara ini penting untuk memantapkan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV peringkat sekolah dengan berkesan.
5. Mendalami pengukuran tahap kebolehterimaan guru KHB Pertanian terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah. Perkara ini penting sebab kajian ini menggunakan Teori Tingkah Laku Terancang yang berlainan daripada Teori Aksi Bersebab yang biasa digunakan dalam kajian lepas.
6. Menghasilkan instrumen yang sesuai mengikut konteks Malaysia supaya dijadikan sebagai senarai semak kepada kesesuaian tahap kebolehterimaan guru, tahap kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran dalam konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah serta tahap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Faktor tenaga kerja, kos dan masa telah membataskan kajian ini kepada tajuk, lokasi dan sampel yang tetap. Skop kajian yang jelas dan tepat kepada fokusnya boleh mengelakkan kerumitan dalam proses mentafsirkan dapatan kajian (Ary, Jacobs, Sorensen & Walker, 2014; Creswell, 2014; Fraenkel, Wallen & Hyun, 2012). Kajian ini tertumpu kepada usaha untuk mendapatkan data tentang tahap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV serta perbezaannya berdasarkan faktor demografi guru yang terpilih, tahap bagi empat sokongan budaya pembaikan sekolah yang berlainan dan tahap kebolehterimaan guru Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Pertanian terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV. Lokasi bagi kajian ini terhad kepada semua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang menawarkan mata pelajaran KHB Pertanian pada sesi persekolahan 2016 di seluruh Malaysia. Populasi bagi kajian ini pula meliputi semua guru yang sedang mengajar mata pelajaran KHB Pertanian bagi murid Tingkatan 1 hingga 3 di SMK pada sesi persekolahan 2016 di seluruh Malaysia.

Pengkaji juga menghadapi kekangan masa, kewangan dan mobiliti sebagai penyelidik tunggal. Sampel kajian ini akan dipilih secara rawak daripada populasi mengikut saiz sampel minimum dengan menggunakan teknik persampelan kelompok dua tingkat. Guru yang sedang mengajar mata pelajaran KHB Pertanian di sekolah adalah pilihan yang terbaik sebagai responden kajian memandangkan golongan guru ini bertindak sebagai pentaksir peringkat sekolah bagi mata pelajaran KHB Pertanian. Guru yang sedang mengajar mata pelajaran KHB Pertanian di sekolah juga dijangka dapat menilai kesemua item dalam borang soal selidik dengan lebih tepat sebab mereka adalah pengajar serta pengurus Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang sebenar dari segi teori dan amali bagi mata pelajaran KHB Pertanian. Maka dapatan kajian berpotensi menjadi lebih mantap sebab kesahan maklum balas responden kajian dapat dijamin.

Sokongan budaya pembaikan sekolah adalah luas dan meliputi pelbagai bentuk budaya. Konstruk sokongan budaya pembaikan sekolah yang akan diukur dalam kajian ini terbatas kepada empat budaya yang berpotensi mempengaruhi pelaksanaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV dalam kalangan guru. Antara sokongan budaya pembaikan sekolah yang dikenal pasti ialah kepimpinan transformasional, amalan kolaboratif dan penglibatan dalam membuat keputusan yang berdasarkan Model Budaya Pembaikan Sekolah Cavanagh dan Dellar (1998) serta penyeliaan pengajaran yang berdasarkan elemen kesejawatan dalam Model Budaya Pembaikan Sekolah Cavanagh dan Dellar (1998) dan juga Teori Penyeliaan dan Sekolah Berjaya Glickman, Gordon dan Ross-Gordon (2010). Penyelidik akan melihat sokongan budaya pembaikan sekolah berdasarkan empat budaya ini sahaja bagi semua persoalan kajian yang berkaitan.

Kebolehterimaan guru KHB Pertanian terhadap amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV pula hanya akan dikaji berasaskan Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991). Teori ini merangkumi konstruk sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan kelakuan dan niat yang akan membentuk kelakuan sebenar bagi seseorang individu. Penyelidik hanya akan mengukur tahap kebolehterimaan guru KHB Pertanian mengikut aspek-aspek utama dalam Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991) sahaja bagi menjawab kesemua persoalan yang berkaitan. Perkara lain yang berada di luar dimensi kebolehterimaan guru KHB Pertanian ini akan dianggap konstan dan tidak berubah.

Data kajian ini terbatas kepada maklumat yang dikumpul melalui satu set borang soal selidik yang disediakan khas untuk tujuan kajian ini. Kesediaan dan kejujuran responden semasa menjawab kesemua item dalam borang soal selidik telah ditegaskan oleh penyelidik melalui surat iringan yang disertakan sekali dengan instrumen kajian. Responden kajian juga tidak dibenarkan berbincang semasa menjawab dan mereka diingatkan bahawa tiada jawapan yang betul atau salah bagi setiap item dalam borang soal selidik. Satu senarai definisi operasional bagi istilah kajian yang utama juga dilampirkan dalam borang soal selidik demi mengatasi kesukaran yang mungkin dihadapi oleh responden dalam proses memahami kehendak item dan seterusnya menjawab borang soal selidik. Kajian ini hanya memfokus kepada pembolehubah yang telah dikenal pasti selaras dengan objektif kajian, iaitu faktor demografi guru yang terpilih, empat sokongan budaya pembaikan sekolah yang berbeza, kebolehterimaan guru KHB Pertanian dan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah.

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional yang diterangkan dalam bahagian ini adalah berdasarkan kepada kesesuaian mengikut kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Terdapat beberapa istilah khusus yang perlu diberikan penjelasan dengan lebih terperinci dan tepat dalam konteks kajian ini. Definisi istilah ini diberi dalam dua bentuk iaitu secara umum dan secara khusus mengikut konteks kajian. Perkara ini diharapkan dapat mengelakkan kekeliruan yang mungkin berlaku sementara memudahkan pembaca supaya dapat

memanfaatkan kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Antara definisi istilah yang dimaksudkan termasuk:

1.8.1 Sokongan Budaya Pembaikan Sekolah

Budaya pembaikan sekolah terdiri daripada elemen-elemen budaya yang digunakan sebagai asas untuk menggalakkan kejayaan dalam usaha pembaikan sekolah (Tsang, 2009). Budaya pembaikan sekolah mengikut konteks Model Budaya Pembaikan Sekolah Cavanagh dan Dellar (1998) pula bermaksud elemen-elemen budaya sekolah yang saling bergantung, berinteraksi dan dikongsi bersama dalam kalangan warga sekolah hasil daripada tujuan dan tindakan sepunya yang dirancang bersama oleh mereka untuk menggalakkan usaha pembaikan sekolah.

Dalam konteks kajian ini, sokongan budaya pembaikan sekolah merujuk kepada empat bentuk budaya berorientasikan pembaikan sekolah yang saling bergantung, berinteraksi dan dikongsi bersama dalam kalangan warga sekolah demi menyokong kejayaan pelaksanaan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah. Empat bentuk sokongan budaya pembaikan sekolah yang terlibat ialah kepimpinan transformasional, penglibatan dalam membuat keputusan, amalan kolaboratif dan penyeliaan pengajaran.

1.8.2 Kepimpinan Transformasional

Kepimpinan transformasional adalah gaya kepimpinan yang memberi inspirasi dan motivasi kepada pengikut supaya berkomitmen kepada visi sepunya melalui tindakan berkomunikasi tentang harapan tinggi kepada pengikut dengan jelas serta menggalakkan kesejawatan dan kesepaduan (Le Clear, 2005). Kepimpinan transformasional mengikut konteks Model Budaya Pembaikan Sekolah Cavanagh dan Dellar (1998) didefinisikan sebagai pemimpin yang berkongsi kuasa serta memudahkan proses pembaikan sekolah yang terlibat dengan potensi dan komitmen guru.

Dalam konteks kajian ini, kepimpinan transformasional merujuk kepada gaya kepimpinan yang diamalkan oleh pentadbir di sekolah. Pentadbir sekolah yang dimaksudkan ialah ketua jabatan iaitu pengetua sekolah masing-masing. Gaya kepimpinan transformasional membolehkan pentadbir sekolah menterjemahkan visi mereka melalui pembaharuan yang hendak dilakukan kepada warga sekolah ke arah yang lebih baik.

1.8.3 Penglibatan Dalam Membuat Keputusan

Penglibatan dalam membuat keputusan adalah penyertaan yang menggunakan keseluruhan kapasiti guru dan direka bentuk untuk menggalakkan peningkatan komitmen kepada kejayaan organisasi melalui pendapat yang dicapai bersama selepas membuat pertimbangan (Gemechu, 2014). Ia juga bertujuan memberi peluang kepada guru untuk menyumbangkan kepakaran mereka melalui pembuatan keputusan bersama demi menggalakkan pembelajaran murid dan menjamin kejayaan pelaksanaan keputusan di sekolah (Somech, 2010). Penglibatan dalam membuat keputusan turut bertindak sebagai amalan yang diperlukan untuk menjamin keberkesanan perancangan berkongsi dalam Model Budaya Pembaikan Sekolah Cavanagh dan Dellar (1998) di samping menghasilkan visi sepunya di sekolah.

Dalam konteks kajian ini, penglibatan dalam membuat keputusan merujuk kepada amalan membuat keputusan peringkat sekolah secara bersama. Pentadbir sekolah akan melibatkan semua guru untuk memberi cadangan atau idea sebelum membuat sesuatu keputusan. Isu keputusan yang terlibat ialah kurikulum dan pengajaran, isu murid, isu rakan sejawat, isu kewangan serta pentadbiran am peringkat sekolah.

1.8.4 Amalan Kolaboratif

Amalan kolaboratif bermaksud guru melaksanakan kerja dalam persekitaran yang sentiasa terbuka kepada kritikan membina, dialog refleksi, penilaian sendiri dan perbincangan masalah pembelajaran murid bersama (Rasberry & Mahajan, 2008). Amalan kolaboratif mengikut konteks Model Budaya Pembaikan Sekolah Cavanagh dan Dellar (1998) didefinisikan sebagai amalan interaksi dalam kalangan guru yang dapat menjamin kefahaman ramai terhadap isu yang berkaitan dengan kurikulum dan operasi sekolah.

Dalam konteks kajian ini, amalan kolaboratif merujuk kepada interaksi yang diamalkan dalam kalangan warga sekolah secara bersama. Amalan ini dapat mewujudkan kefahaman semua warga sekolah untuk bekerjasama dalam proses pembaikan sekolah.

1.8.5 Penyeliaan Pengajaran

Penyeliaan pengajaran didefinisikan sebagai perkongsian visi secara kolaboratif antara pentadbir sekolah dengan guru untuk menggalakkan pertumbuhan komitmen, perkembangan, interaksi, dan penyelesaian masalah untuk membina satu komuniti pembelajaran (Glickman, Gordon & Ross-Gordon, 2010; Zepeda, 2007). Penyeliaan pengajaran yang berkesan pula merupakan satu koleksi pengetahuan dan kemahiran penyelia yang meliputi sifat atribut peribadi dan amalan yang berpotensi menambah baik pengajaran guru di dalam bilik darjah (Kamindo, 2008; Baffour-Awuah, 2011).

Dalam konteks kajian ini, penyeliaan pengajaran merujuk kepada tugas pencerapan peringkat sekolah yang dijalankan oleh penyelia di sekolah dengan tujuan menambah baik amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah. Penyelia di sekolah yang dimaksudkan ialah ketua jabatan iaitu pengetua yang dilantik secara rasmi untuk menjalankan tugas pencerapan peringkat sekolah. Penyeliaan pengajaran dilakukan untuk mengaitkan keperluan individu guru dengan matlamat sekolah supaya guru boleh berfungsi dengan harmoni ke arah visi sekolah dalam proses pembaikan.

1.8.6 Kebolehterimaan Guru Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Pertanian

Kebolehterimaan guru bermaksud bagaimana guru diorientasikan secara dalaman terhadap cadangan perubahan dan bukannya bagaimana mereka berkelakuan berkaitan dengan perubahan berkenaan (Ma, Yin, Tang & Liu, 2009). Kebolehterimaan guru terhadap perubahan pendidikan pula ditakrif dalam aspek perasaan keseluruhan, sikap dan niat guru yang positif terhadap perubahan berkenaan (Baird, 2010). Ia juga dirujuk kepada suatu situasi di mana niat guru berubah ke arah positif sebagai hasil daripada perubahan sikap mereka (Ha, Sum, Chan, O'Sullivan & Pang, 2010).

Dalam konteks kajian ini, kebolehterimaan guru KHB Pertanian merujuk kepada sikap, tanggapan kawalan kelakuan dan niat dalam kalangan guru KHB Pertanian untuk melaksanakan amalan Penaksiran untuk Pembelajaran PTV di sekolah.

1.8.7 Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Pertanian

KHB Pertanian adalah salah satu mata pelajaran dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian Teras dan Pilihan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Bahagian Teras bagi mata pelajaran KHB Pertanian mengandungi komponen Reka Bentuk dan Teknologi manakala bahagian Pilihan pula meliputi komponen yang memberi penekanan kepada bidang Pertanian serta pendedahan kepada asas Perniagaan dan Keusahawanan. Mata pelajaran KHB Pertanian telah digubal berlandaskan FPK sebagai usaha pendidikan ke arah mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran teknologi serta keusahawanan dalam usaha membangun modal insan melalui program pendidikan yang berkualiti dan holistik (LPM, 2014d).

Dalam konteks kajian ini, KHB Pertanian merujuk kepada mata pelajaran berelemen Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) yang wajib bagi murid Tingkatan 1 hingga 3 pada peringkat sekolah menengah rendah. Mata pelajaran ini melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran secara teori dan amali yang dijalankan sama ada di dalam bilik darjah ataupun bengkel KHB di sekolah supaya kesepaduan murid dapat diwujudkan. KHB Pertanian merupakan pilihan bidang pelajaran berelemen PTV yang ketiga dalam mata pelajaran KHB. Murid yang mengambil mata pelajaran KHB

Pertanian akan kekal dalam komponen pilihan Pertanian yang sama dari Tingkatan 1 sehingga tamat Tingkatan 3.

1.8.8 Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran

Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran didefinisi sebagai suatu proses mencari dan mentafsir fakta untuk kegunaan murid dan guru bagi membuat keputusan tentang peringkat pencapaian murid di dalam pembelajaran, peringkat pembelajaran seterusnya yang perlu dicapai oleh murid dan cara terbaik untuk mencapai peringkat tersebut (Mansell, James & Assessment Reform Group, 2009). Amalan Penaksiran untuk Pembelajaran juga diciri sebagai budaya penaksiran yang dibina berlandaskan perancah, menjajarkan pengajaran ke arah meyokong pembelajaran dan menyediakan murid dengan autonomi yang lebih besar dalam proses pembelajaran (Pat-El, Tillema, Segers & Vedder, 2013).

Dalam konteks kajian ini, amalan Penaksiran untuk Pembelajaran merujuk kepada salah satu fungsi utama bagi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Amalan ini merangkumi segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta tugas murid yang dibina berlandaskan pernyataan standard prestasi sebagai perancah bagi mengumpulkan maklumat berguna kepada guru dalam proses memantau perkembangan dan mengesan masalah pembelajaran dalam kalangan murid sementara menilai dan mengubahsuai amalan pengajaran guru. Amalan ini disarankan supaya diintegrasikan ke dalam pengajaran guru untuk tujuan merealisasikan perkembangan dan menggalakkan pembelajaran berterusan dalam kalangan murid.

1.8.9 Pentaksiran Berasaskan Sekolah

PBS merupakan sistem penaksiran peringkat sekolah yang bersifat holistik dan menilai aspek kognitif, afektif, psikomotor dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan kurikulum kebangsaan dengan memberikan penekanan kepada Penaksiran untuk Pembelajaran dan Penaksiran tentang Pembelajaran (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2014a). PBS dirancang dan dilaksanakan oleh guru secara berterusan dalam PdP secara menyeluruh dan bersepadu dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani (Ahmad, 2010).

Dalam konteks kajian ini, PBS merujuk kepada penaksiran bersifat holistik yang memberikan penekanan kepada Penaksiran untuk Pembelajaran dan juga Penaksiran tentang Pembelajaran. Ia memberi pengiktirafan dan autonomi kepada semua guru mata pelajaran untuk melaksanakan penaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) di bawah suatu mekanisme jaminan kualiti.

1.8.10 Demografi Guru

Dalam konteks kajian ini, demografi guru merujuk kepada ciri demografi yang dominan dalam membuat perbandingan amalan penaksiran antara guru iaitu jantina, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar KHB Pertanian, maklumat mata pelajaran KHB Pertanian yang diajar, peringkat kelulusan tertinggi, pengkhususan dan pengalaman mengikuti kursus penaksiran. Ciri demografi yang terpilih juga dibahagikan kepada beberapa kumpulan tertentu. Jantina dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu lelaki dan perempuan manakala pengalaman mengajar dan pengalaman mengajar KHB Pertanian dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu 1 hingga 5 tahun, 6 hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun, 16 hingga 20 tahun dan 20 tahun ke atas.

Maklumat mata pelajaran KHB Pertanian yang diajar pula merangkumi empat maklumat yang berbeza iaitu jumlah waktu per minggu, jumlah kelas per minggu, jumlah murid yang diajar dan purata murid per kelas. Jumlah waktu per minggu dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu 3 hingga 6 waktu, 9 hingga 12 waktu, 15 hingga 18 waktu dan 21 hingga 24 waktu. Jumlah kelas per minggu dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu 1 hingga 2 kelas, 3 hingga 4 kelas, 5 hingga 6 kelas dan 7 hingga 8 kelas. Jumlah murid yang diajar dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu 1 hingga 50 orang, 51 hingga 100 orang, 101 hingga 150 orang, 151 hingga 200 orang dan 200 orang ke atas. Purata murid per kelas dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu 1 hingga 30 orang dan 30 orang ke atas.

Peringkat kelulusan tertinggi dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu ijazah dan bukan ijazah. Kumpulan ijazah dirujuk kepada guru siswazah yang berkelulusan akademik atau berkelulusan ikhtisas perguruan pada peringkat ijazah sarjana lanjutan atau ijazah sarjana muda. Kumpulan bukan ijazah pula dirujuk kepada guru bukan siswazah yang berkelulusan akademik atau berkelulusan ikhtisas perguruan pada peringkat diploma atau sijil. Pengkhususan turut dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu pertanian dan bukan pertanian. Kumpulan pertanian dirujuk kepada guru yang berkelulusan akademik atau berkelulusan ikhtisas perguruan dalam bidang pertanian. Kumpulan bukan pertanian pula dirujuk kepada guru yang berkelulusan akademik dan berkelulusan ikhtisas perguruan dalam bidang bukan pertanian.

